



PELAN ANTIRASUAH NIOSH 2021 - 2023

“Kerajaan mengutamakan
usaha-usaha untuk
membangkitkan amalan
rasuah dan salah guna
kuasa.”

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN

Perdana Menteri Malaysia

Sumber : Ucapan Sulung sebagai Perdana Menteri
di hadapan Yang di Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin
Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara 1 Mac 2020.

Hak Cipta Terpelihara
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integrit & Governans, NIOSH terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:

Unit Integriti & Governans
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara
Kementerian Sumber Manusia
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

Cetakan pertama 2020

PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF



Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan **Pelan Antirasuah NIOSH atau Organisational Anti-Corruption Plan (OACP), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2023.**

Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 ini merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat NIOSH yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga NIOSH. Selaras dengan aspirasi nasional ini, setiap warga NIOSH perlu menghayati dan memelihara imej sebagai Institut di bawah Kementerian Sumber Manusia yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 ini menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan.

Besar harapan saya agar Pelan Antirasuah NIOSH ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja NIOSH dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan NIOSH bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.


HAJI AYOP BIN SALLEH
Pengarah Eksekutif
NIOSH

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Objektif utama Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 adalah:

- i. Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam NIOSH dengan lebih jelas dan berkesan.
- ii. Memperkasakan dan memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah warga NIOSH.
- iii. Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus baik dan membudayakan amalan nilai murni dalam kalangan warga NIOSH.
- iv. Meningkatkan imej NIOSH dan kepercayaan pemegang taruh serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh NIOSH.

Visi utama Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023 adalah menjadikan warga NIOSH berintegriti melalui empat misi yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Menzahirkan warga NIOSH menolak amalan rasuah dengan mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti berteraskan elemen T.R.U.S.T.
- ii. Memperkemaskan jati diri kakitangan dalam memastikan ketelusan dan integriti untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah.
- iii. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga NIOSH membanteras rasuah.
- iv. Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran NIOSH yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.

T.R.U.S.T adalah bermaksud :

T = TOP LEVEL COMMITMENT (Komitmen Pengurusan Tertinggi);

R = RISK ASSESSMENT (Penilaian Risiko);

U = UNDERTAKE CONTROL MEASURES (Mengambil Langkah Kawalan);

S = SYSTEMATIC REVIEW, MONITORING AND ENFORCEMENT (Penilaian, Pemantauan dan Penguatkuasaan Bersistematik);

T = TRAINING AND COMMUNICATION (Latihan dan Komunikasi).

Setiap pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan pelaksanaannya maka aspek-aspek seperti pengukuhan struktur NIOSH, penambahbaikan dalam aspek peningkatan sistem teknologi, perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu diberi perhatian serius.

Aspek pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan oleh Unit Integriti dan Governans (IGU) bersama dengan Ahli Jawatankuasa Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) NIOSH bagi memantau prestasi pelaksanaannya sehingga tahun 2023. Pelan Antirasuah NIOSH ini akan menjadi panduan terbaik untuk meningkatkan imej NIOSH sebagai sebuah Institut yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

SINGKATAN

ABMS	Anti-Bribery Management System (Sistem Pengurusan Anti-Rasuah)
CPI	Corruption Perceptions Index (Indeks Persepsi Rasuah)
CRM	Corruption Risk Management (Pengurusan Risiko Rasuah)
JAR	Jawatankuasa Antirasuah
NACP	National Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Nasional)
NIOSH	National Institute of Occupational Safety and Health (Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara)
OACP	Organisational Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Organisasi)
SOP	Standard Operating Procedure (Manual Prosedur Kerja)
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TI-M	Transparency International Malaysia

ISI KANDUNGAN

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1	PENGENALAN	10
	Latar Belakang	10
	Carta Organisasi NIOSH	11
	Fungsi dan Objektif Penubuhan NIOSH	11
	Carta Organisasi IGU	12
	Fungsi dan Objektif Penubuhan IGU	12
	Visi, Misi & Matlamat	13
	Nilai-nilai Korporat	14
	Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah NIOSH	15
BAB 2	ISU, CABARAN DAN SENARIO MASA HADAPAN	16
	Isu dan Cabaran Menangani Rasuah di NIOSH	17
	Antara Isu dan Cabaran Utama yang dihadapi oleh NIOSH dalam Memerangi Rasuah - berdasarkan CRM	18
	Bidang-bidang Berisiko secara Umum	20
	Senario Masa Hadapan	23
BAB 3	KERANGKA PELAN ANTIRASUAH NIOSH	28
	Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko	29
	Pengurusan Risiko Rasuah	30
	Pelan Tindakan dan Inisiatif	33
BAB 4	TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH	38
	Mekanisme Pelaksanaan	39
	Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH	39
	Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	40
	Mekanisme Penilaian	40
	Mekanisme Pemantauan	41
	Mekanisme Penyelarasan	41
	Penilaian	41
	Prinsip Pengurusan Antirasuah NIOSH	42
	Semakan Dan Pembaharuan Pelan Antirasuah	43
BAB 5	PENUTUP	44
	Kesimpulan	45
	PENGHARGAAN	46
	ASRESIASI	47
	AUTOGRAF	49

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Penyediaan Pelan Antirasuah NIOSH adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pelan Antirasuah NIOSH merupakan sebuah dokumen utama kepada pihak yang berkepentingan seperti pihak Kementerian dan pemegang taruh yang mempunyai minat terhadap NIOSH bagi menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. Ia memberi tumpuan khusus kepada menangani masalah intergriti, rasuah dan tadbir urus yang berlaku dalam NIOSH.

1.1 LATAR BELAKANG


Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan pada 24 Jun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bermula dengan sebuah pejabat sementara di Pusat Bandar Damansara, NIOSH telah berpindah ke Bandar Baru Bangi pada tahun 1996.

Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat, NIOSH meluaskan lagi perkhidmatannya melalui pembentukan pejabat wilayah yang terletak di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu.

NIOSH telah memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 pada tahun 2003, ISO 9001:2008 pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 9001:2015 pada tahun 2018. Pensijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011 telah diperolehi pada 1 Oktober 2012 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 45001:2018 pada tahun 2019. Manakala Makmal OSH *Evaluation and Control Technology Laboratories* (OSHECT) NIOSH pula telah mendapat Akreditasi bagi pensijilan MS ISO/IEC 17025:2017 pada tahun 2018.

1.2 CARTA ORGANISASI NIOSH

ORGANIZATIONAL CHART FOR YEAR 2020 NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH




1.3 FUNGSI DAN OBJEKTIF PENUBUHAN NIOSH

Fungsi NIOSH adalah untuk memberikan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Objektif penubuhan NIOSH adalah:

- Untuk menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap KKP melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan, dan mereka yang bertanggungjawab, secara langsung atau sebaliknya, terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.
- Untuk membantu industri, perdagangan dan sektor-sektor lain dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan KKP.

- iii. Untuk membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap KKP dengan maklumat yang terkini dari dalam dan luar Negara dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- iv. Untuk mengadakan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan KKP yang boleh membawa faedah dan manfaat kepada negara.
- v. Untuk menyebarkan maklumat hasil dari penyelidikan dan juga menjadi pusat rujukan di dalam bidang KKP.

1.4 CARTA ORGANISASI IGU



1.5 FUNGSI IGU

IGU dirangkumi oleh empat (4) fungsi teras :

i) **Pengurusan Aduan**

Penerimaan aduan mengenai salah laku jenayah rasuah salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran etika NIOSH. IGU perlu menyelia, memantau dan menguruskan proses aduan integriti. Membawa maklumat/aduan ke Jawatankuasa Menilai Maklumat dan aduan yang berkaitan pentadbiran atau tidak berkaitan dengan tindakan IGU akan dikemukakan kepada Jabatan/ Bahagian yang bersesuaian untuk tindakan dalaman.

ii) **Pengesanan Dan Pengesahan**

Tanggungjawab Seksyen Pengesanan dan Pengesahan adalah mengambil tindakan susulan kepada aduan integriti. Penyediaan laporan lengkap hasil pengesanan yang dilakukan berserta ulasan dan syor.

iii) **Pengukuhan Integriti**

Memastikan pembudayaan dan pelaksanaan integriti dalam NIOSH dapat dicapai dengan merancang dan melaksanakan program kepada kakitangan.

iv) **Governans**

IGU perlu memastikan melaksanakan governans terbaik dalam usaha memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan NIOSH serta menangani isu-isu berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

1.6 VISI, MISI & MATLAMAT PELAN ANTIRASUAH NIOSH

VISI

- Ke Arah NIOSH Bebas Rasuah Menjelang 2023

MISI

- Memantapkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti NIOSH dalam penyediaan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Memperkukuhkan moral dan integriti warga NIOSH.
- Menegakkan undang-undang pencegahan rasuah.

MATLAMAT

Bagi mencapai visi dan misi seperti yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah, NIOSH telah mengenal pasti tiga matlamat berikut:

- Meningkatkan kesedaran kakitangan untuk melaporkan kesalahan rasuah;
- Mengurangkan salahlaku integriti di kalangan warga NIOSH.
- Meningkatkan kesedaran terhadap unit IGU dan kefungsiannya di NIOSH.

1.7 NILAI-NILAI KORPORAT

i. INTEGRITI

Berpegang teguh pada nilai moral dan kejujuran yang tinggi.

ii. INOVATIF

Sentiasa mencari idea baru untuk memperbaiki sistem penyampaian.

iii. HORMAT

Menghormati setiap individu dalam sebarang urusan.

iv. BEKERJASAMA

Semua pihak perlu bekerjasama dengan penuh kepercayaan bagi mencapai matlamat.

v. PROFESIONALISME

Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawabkan dan melaksanakan tugas dengan cara yang berkualiti dan berkesan.

1.8 KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH NIOSH

Pelan Antirasuah NIOSH merupakan satu dokumen antirasuah di peringkat bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam NIOSH. Pembangunan Pelan Antirasuah NIOSH adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional di bawah Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu 'mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Nasional'.

Sebagai Institut utama dalam latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, NIOSH sering berhadapan dengan orang ramai dan pelbagai ragam manusia. Kelemahan tadbir urus dan integriti akan menyebabkan objektif sesuatu program khususnya yang melibatkan aktiviti teras tidak dapat dicapai dan seterusnya tidak dapat memanfaatkan kumpulan sasar. Sebagai contoh, sekiranya berlaku penyelewengan atau salah guna kuasa dalam penyampaian perkhidmatan ia akan memberikan imej yang tidak baik kepada Institut. Sebagai contoh sekiranya berlaku ketirisan maklumat yang melibatkan perolehan, ia akan menyebabkan mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperolehi tidak berkualiti dan setimpal dengan bayaran yang telah dibelanjakan. Ketidaktelusan dalam pengendalian wang Kerajaan akan menimbulkan pelbagai spekulasi dan tohmahan yang memberikan imej dan persepsi negatif kepada perkhidmatan kerajaan.

Kelemahan dalam tadbir urus serta proses perolehan sedikit sebanyak akan mendatangkan kerugian kepada rakyat serta mengurangkan kepercayaan orang awam kepada Kerajaan. Sekiranya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak ditangani, program dan aktiviti yang dirancang di bawah dasar dan pelan tindakan yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Natijahnya, tidak mungkin objektif yang dihajati akan tercapai ibarat burung, mata lepas badan terkurung. Selagi amalan rasuah berleluasa dan tidak dibendung maka, kita semua terperangkap dalam sangkar yang kita cipta sendiri.

BAB 2

ISU, CABARAN DAN SENARIO MASA HADAPAN

2.0 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH DI NIOSH

Dalam usaha untuk membanteras dan menghapuskan rasuah dan salah guna kuasa, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu didepani dan dihadapi bagi memastikan misi dan matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai. Kerajaan Malaysia telah menunjukkan atau menggariskan dengan jelas bahawa usaha untuk membanteras jenayah rasuah dan salah guna kuasa merupakan satu agenda nasional yang penting dan memerlukan perhatian yang serius. Hal ini adalah kerana impak jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku telah memberi kesan negatif kepada negara yang mana antaranya adalah menyebabkan imej negara di mata dunia tercalar dan akhirnya menyebabkan kerencatan pertumbuhan ekonomi negara akibat kegagalan dan ketidakpercayaan pelabur untuk melabur di negara kita. Bagi setiap negara, penanda aras yang diterima pakai bagi mengukur persepsi masyarakat dunia terhadap negara kita berkaitan rasuah adalah Indeks Persepsi Rasuah (IPR) atau Corruption Perception Index (CPI). CPI merupakan indeks tahunan yang dikeluarkan oleh Transparency International, sebuah badan dunia yang akan menyenaraikan peratusan tinggi rendah bagi sesebuah negara di mana rasuah ini dianggap wujud di kalangan pegawai-pegawai dan ahli politik awam. Berdasarkan CPI untuk tahun 2018, Malaysia telah berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara yang telah dinilai dan skor yang telah dicapai oleh Malaysia adalah 47/100. Skor yang dicapai pada tahun 2018 merupakan skor yang sama dicapai pada tahun 2017 yang mana kedudukan Malaysia pada ketika itu adalah pada kedudukan ke-62. Jika perbandingan dibuat dengan negara jiran terdekat Malaysia yang mempunyai kedudukan yang lebih baik berbanding Malaysia adalah Singapura yang mana berada di kedudukan ke-3 daripada 180 buah negara dengan skor sebanyak 85/100. Selain itu, Brunei Darussalam juga berada di kedudukan yang jauh lebih baik berbanding negara kita iaitu di kedudukan ke-31 dengan skor 63/100. Oleh itu, pencapaian skor Malaysia dan kedudukan tersebut menunjukkan bahawa sememangnya kita memerlukan satu tindakan yang ampuh dan jitu untuk memastikan skor CPI dan kedudukan negara dapat dipertingkatkan pada tahun berikutnya. Salah satu sektor yang akan memberi kesan kepada kedudukan dan skor negara dalam CPI adalah sektor awam yang dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Tadbir urus yang lemah merupakan antara punca utama yang menyebabkan sektor ini mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding sektor swasta iaitu sebanyak 63.30%. Kesan penglibatan pegawai sektor awam dalam jenayah rasuah telah menyebabkan kerugian terhadap dana negara dan merosakkan imej dan integriti sektor awam.

2.1 ANTARA ISU DAN CABARAN UTAMA YANG DIHADAPI OLEH NIOSH DALAM MEMERANGI RASUAH - BERDASARKAN CRM ADALAH:

2.1.1 KETIDAKCEKAPAN SISTEM DAN KAEDAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Institut adalah perkara penting dalam memastikan pertumbuhan NIOSH dan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan. Namun faktor kelemahan integriti dan kerehah birokrasi telah menyebabkan kurang keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang akhirnya boleh mengakibatkan imej negatif terhadap perkhidmatan NIOSH.

Usaha pembaikan berterusan adalah penting bagi menambahbaik dan meningkatkan tadbir urus NIOSH sekaligus penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif dapat menutup ruang dan peluang terjadinya rasuah di dalam NIOSH.

2.1.2 KETIDAKTELUSAN DAN MANIPULASI URUSAN PEROLEHAN

Ketidaktelusan dan manipulasi urusan perolehan akan menyebabkan kerugian dan pembaziran sumber kewangan, masa, projek yang dirancang gagal dilaksanakan dan membuka kepada peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa. Hal ini berpunca daripada wujudnya percanggahan kepentingan, kebocoran maklumat selain pegawai tidak berintegriti dan tidak kompeten dalam melaksanakan tugas.

Urusan perolehan di NIOSH seharusnya dilaksanakan dengan sistem pengurusan yang efektif dan mampan di dalam menerapkan nilai adil, cekap dan teratur bagi memastikan "value for money" dan memenuhi ekspektasi dan kehendak golongan sasaran. Kegagalan dan kelewatan sesuatu projek banyak berkisar kepada ketidakmampuan kontraktor yang dilantik dan akhirnya merugikan Institut, Kementerian dan Negara.

2.1.3 PERSEPSI NEGATIF DAN KURANG KEYAKINAN OLEH PIHAK LUAR

Penghayatan nilai-nilai murni termasuk integriti dan antirasuah yang lemah oleh pihak luar juga merupakan satu isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh NIOSH. Usaha penyampaian perkhidmatan yang telus akan terbantut akibat persepsi dan tanggapan negatif pihak luar termasuk orang awam yang akan menghakis keyakinan mereka terhadap penyampaian perkhidmatan yang diberikan NIOSH dan seterusnya akan memberi kesan negatif terhadap NIOSH.

2.1.4 PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG TERHAD DALAM MEMERANGI RASUAH

Dalam zaman serba moden ini, penggunaan teknologi merupakan salah satu langkah dan instrumen yang baik bagi membendung dan menangani masalah rasuah. Namun buat masa sekarang, penggunaannya dilihat bergantung kepada peruntukan kewangan dan kemahuan pengurusan untuk mengoptimumkan teknologi sedia ada.

Penggunaan teknologi yang terkini secara tidak langsung dapat memastikan ketelusan dan mengurangkan risiko rasuah melalui transaksi digital yang lancar dan mewujudkan rekod kekal untuk semakan lanjut yang memberi lebih keyakinan kepada orang awam terhadap NIOSH.

Sebagai contoh Pendaftaran atas talian (e-Daftar) dan Pembayaran atas talian.

2.2 BIDANG-BIDANG BERISIKO SECARA UMUM

2.2.1 PENTADBIRAN

Sektor pentadbiran merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.

Penyampaian perkhidmatan yang baik dan menepati kehendak golongan sasaran akan memberikan kesan dan imej baik kepada organisasi. Hal ini juga bergantung kepada dasar dan kaedah yang telah digubal oleh organisasi untuk menepati kesesuaian semasa. Organisasi perlu mengambil pendekatan dan inisiatif yang lebih terancang dan sistematik bagi memastikan sektor pentadbiran ini diuruskan dengan cekap dan bertanggungjawab.

2.2.2 TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses bagi sesebuah organisasi korporat dikawal selia dan diuruskan dengan berhemah. Berdasarkan Organization for Economic Co-Operation and Development (OECD), tadbir urus korporat yang baik bagi sesebuah organisasi akan dapat membantu dalam memastikan organisasi menggunakan modal dengan cekap dan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak. Matlamat bagi sesebuah organisasi korporat adalah untuk memastikan organisasi beroperasi demi kepentingan masyarakat secara keseluruhannya yang mana menjadikan organisasi bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pemegang saham tetapi juga kepada semua pemegang taruh.

2.2.3 PEROLEHAN

Berdasarkan Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), perolehan awam merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh organisasi. Perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap

dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

NIOSH beroperasi dalam persekitaran sosial yang cepat berubah/ dinamik dan kompleks kerana bidang kerja utamanya adalah berurusan dengan orang awam iaitu pelanggan atau peserta kursus serta *significant others*. Senario masa kini menjadi semakin kompetitif dengan perubahan drastik seperti keterbukaan sosial, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat.

Bagi tujuan analisis persekitaran dan penilaian risiko untuk pembangunan Pelan Antirasuah NIOSH, pelbagai data telah diperolehi dengan menumpukan pengumpulan data bagi tempoh 3 tahun bermula dari 2017 hingga Februari 2020 untuk membantu dalam penilaian risiko rasuah bagi tempoh 3 tahun akan datang. Data-data ini diperolehi dalam bentuk statistik tatatertib, pelaporan, maklumat ringkasan data dan naratif aduan.

1. Panduan dari dokumen NACP

Data ini telah dijadikan sebagai panduan bagi mendapatkan gambaran bagi pelaksanaan untuk memahami keperluan dalam setiap elemen yang diperolehi bagi menjayakan pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023.

2. Maklumat sokongan daripada dalaman NIOSH

Data dan statistik aduan rasuah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tempoh 2017 hingga 2020, data analisis daripada aduan pelanggan yang dibantu oleh Bahagian Pengurusan Kualiti bagi tahun 2017 hingga 2020, data pengaduan awam melalui sistem SISPAA, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib dari Bahagian Sumber Manusia dan data yang dikumpul dari Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) NIOSH.

3. Kutipan data primer dari Bengkel *Corruption Risk Management* (CRM)

Bengkel CRM merupakan langkah awal yang telah dilaksanakan untuk kutipan data primer oleh NIOSH. CRM melibatkan wakil Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Wilayah dari seluruh negeri yang berpengalaman meliputi Ibu Pejabat NIOSH, Pejabat Wilayah dan Pejabat Satelit yang menjalankan tugas merangkumi kesemua bidang tugas di NIOSH.

4. Analisis persekitaran dan penilaian risiko melalui data CRM

Analisis telah dijalankan melalui kaedah yang dibangunkan hasil dari bengkel CRM pada tahun 2019 oleh pihak SPRM dan bengkel CRM 2020 serta telah ditentukan oleh IGU dan Ahli Jawantakuasa ABMS yang telah mengenal pasti dalam NIOSH yang menjurus ke arah keterlibatan terhadap perlakuan rasuah, salah laku integriti, kelemahan tadbir urus, ketidakpatuhan dalam tadbir urus, ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dan etika dalam pelaksanaan tugas yang membawa kepada pelanggaran integriti dan salah guna kuasa.

2.3 SENARIO MASA HADAPAN

2.3.1 MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

Adalah penting untuk NIOSH sedar akan perubahan semasa dan kesannya apabila melakukan intervensi penggubalan dasar. Organisasi yang cekap haruslah mengambil kira perubahan semasa dan impaknya kepada masa hadapan. Perubahan konteks sosial menjadi pemacu utama kepada organisasi untuk menilai semula pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.

Berikut merupakan beberapa senario antirasuah 2030 yang dilihat akan memberi impak dan kesan besar kepada pemantapan tadbir urus dan usaha NIOSH untuk membanteras rasuah:

SENARIO		
S1	KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)	Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui penggubalan dan kewujudan NIOSH tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mampan.
S2	KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)	Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam NIOSH tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.
S3	PERKEMBANGAN (GROWTH)	Masa hadapan di mana hasil kewujudan NIOSH telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah organisasi yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.
S4	MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)	Rasuah menjadi kelaziman di kalangan warga organisasi sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

PENGGUNAAN PERANCANGAN SENARIO PENTING SEBAGAI:

- a. Instrumen untuk mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan model-model dan data-data lampau;
- b. Instrumen pengurusan risiko yang penting; dan
- c. Indikator amaran terhadap keputusan keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko.

2.3.2 PELUANG YANG ADA

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenal pasti melalui scenario yang dibangunkan. Berikut adalah peluang yang telah dikenal pasti :

- **Penilaian risiko dan profil pada projek kerajaan:** Meliputi kepada pelbagai jenis mekanisme yang boleh diaplikasi oleh organisasi bagi menjangka kebarangkalian rasuah berlaku secara dalaman mahupun luaran serta kesannya.
- **Membangunkan indeks penilaian integriti:** Indeks dibangunkan untuk warga organisasi dalam mentafsir keupayaan organisasi mengawal rasuah serta memastikan semua dana dan sumber kewangan dibelanjakan secara bertanggungjawab dan telus.
- **Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR):** Pelaksanaan secara efektif sistem antisogokan dan piawaian berkaitan akan membantu mengurangkan berlakunya risiko sogokan. Keyakinan pemegang taruh akan meningkat berkaitan amalan baik dan kawalan antisogokan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa telah dilaksanakan.
- **Reformasi tadbir urus:** Dasar dan amalan baik dalam organisasi menjadi petunjuk kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Maka pembaharuan dasar dalam aspek kandungan atau amalan untuk proses pelaksanaan yang lebih mampan amat penting lantaran mampu mengembalikan keyakinan pelanggan terhadap organisasi.

- **Memaksimumkan penglibatan warga organisasi:** Penubuhan kumpulan pemerhati antirasuah bagi memastikan inklusiviti yang akan melibatkan:

1. Lembaga Pengarah
2. Pengurusan
3. Warga Kerja
4. Pelanggan
5. Pihak Berkepentingan

- **Sistem latihan yang menyeluruh:** Memupuk tadbir urus insan (human governance) warga organisasi melalui model latihan yang komprehensif berpaksikan tadbir urus insan dan program kepimpinan berterusan.

2.3.3 PERKARA YANG TERUNGKAI

Senario yang dibangunkan turut mengenal pasti risiko berikut:

- Data dan maklumat sebagai komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.
- Kerosotan peranan media digital, perubahan perisian dan perkakasan lapuk. Pengurusan organisasi perlu lebih teliti dan serius dalam mengendalikan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan kehilangan data yang akhirnya menyebabkan kerentanan pada sistem.
- Media yang prejudis telah menyebarkan maklumat palsu dan mewujudkan persepsi negatif awam terhadap organisasi. Perkara ini terjadi apabila kewartawanan yang bersifat penyiasatan sudah tidak lagi wujud dalam media arus perdana. Wartawan mula cenderung kepada bidang perhubungan awam dan menulis untuk memenuhi kehendak pihak berkepentingan.
- Amalan rasuah di awal perkhidmatan. Amalan rasuah yang terjadi di kalangan pegawai yang baru berkhidmat di organisasi. Pengesanan awal mampu mengawal risiko ini.

- Kewujudan 'Little Napoleons'. Istilah Little Napoleons tercipta untuk menggambarkan warga organisasi yang kurang membantu, sombong dan angkuh. Istilah ini boleh dianggap sebagai sindiran atau hinaan kerana Napoleon tidak memiliki ciri-ciri tersebut. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah organisasi yang telah melalui transformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalinya.
- Desakan berterusan oleh pihak luar untuk kepentingan diri. Organisasi menerima desakan daripada pihak luar untuk membuat keputusan yang menyebelahi mereka demi mengaut keuntungan.

2.3.4 PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasuah pada masa hadapan, kewujudan "API DALAM SEKAM" dapat dikesan. Justeru, pembuat dasar dapat memberi lebih perhatian untuk menghadapinya. Pakatan oleh pegawai organisasi bersama pihak luar untuk mendapat keuntungan.

- Pakatan oleh pegawai organisasi bersama pihak luar untuk mendapat keuntungan bagi sebarang projek, program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh organisasi.
- Penglibatan tangan ghaib. Tadbir urus yang baik bergantung kepada sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus baik ini sukar untuk direalisasikan akibat daripada pengaruh tangan ghaib dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan ketiadaan mekanisme mengawal pengaruh tangan ghaib, gejala ini akan berterusan dan membarah.
- Amalan rasuah oleh pelanggan. Ini boleh berlaku akibat berlakunya pakatan bersama pegawai organisasi yang menerima tawaran rasuah oleh pelanggan bagi tujuan memberi kelulusan bagi sesuatu projek atau program. Penyampaian perkhidmatan oleh organisasi akan terjejas akibat keputusan yang diambil

bertentangan dengan undang-undang, tidak rasional, tiada pertimbangan jitu serta tidak memenuhi prosedur yang adil.

- Organisasi dilihat hanya “bagai melepaskan batuk di tangga”. Metafora ini digunakan untuk menggambarkan tentang dasar yang tampak hebat diwujudkan namun tiada tindakan yang bersungguh-sungguh dilaksanakan oleh organisasi untuk mengaplikasikan dasar tersebut. Dasar dibuat sekadar untuk memenuhi tuntutan ketika itu dan tidak memberi sebarang impak. Pemegang taruh merasakan dasar yang diperkenalkan tidak mampu untuk bertahan dalam jangka masa panjang. Senario boleh berlaku ketika pertukaran kepimpinan atau perubahan pihak yang memperjuangkan agenda antirasuah dalam organisasi.
- Jangkaan ancaman terhadap etika, piawaian dan integriti merujuk kepada ancaman sistemik yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus dalam organisasi.

BAB 3

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH NIOSH

3.0 ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Penarafan risiko agensi awam dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah berpandukan situasi gejala rasuah di agensi, persepsi rasuah terhadap agensi, dana yang diperuntukkan, laporan aduan rasuah dan salah guna kuasa, jumlah bajet tahunan agensi dan bidang perkhidmatan teras. Demikian SPRM pada tahun 2019 telah melaksanakan penarafan risiko rasuah ke atas NIOSH dan NIOSH telah diberi penarafan risiko sebagai agensi berisiko **Sederhana**. Penarafan risiko ini akan disemak semula oleh SPRM secara berkala setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

Kemudian, NIOSH telah melaksanakan Corruption Risk Management (CRM) yang telah dibangunkan pada tahun 2019. CRM merupakan satu proses pengurusan untuk membantu mengenal pasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang kepada berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga, serta menerap elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Oleh itu, bengkel Corruption Risk Management (CRM) NIOSH anjuran Unit Integriti dan Governans, NIOSH telah diadakan pada 3 hingga 5 Disember 2019 dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM. Melalui CRM ini, risiko-risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti dan NIOSH telah merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi membendung masalah tersebut.

Peserta bengkel terdiri daripada wakil kakitangan NIOSH di peringkat Jabatan dan Bahagian seramai 34 orang. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM telah bertindak selaku fasilitator dalam membangunkan CRM NIOSH. Kaedah bengkel dilaksanakan di mana setiap peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut bidang kepakaran masing-masing dan setiap kumpulan perlu mengisi maklumat dalam borang pendaftaran risiko mengenai risiko yang dikenal pasti dalam bidang dan tugas masing-masing. Risiko-risiko ini seterusnya akan disemak dan dianalisis bagi menentukan tahap setiap risiko tersebut dan pelan tindakan untuk mengatasinya.

Maklumat dan data lain yang digunakan oleh NIOSH dalam mengenal pasti risiko rasuah adalah Laporan SPRM, Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tatatertib, Laporan Aduan, Laporan Audit Dalam dan Laporan Tahunan NIOSH.

Jumlah risiko yang dikenal pasti dalam CRM NIOSH adalah seperti berikut:

TAHAP	JUMLAH RISIKO
HIGH (TINGGI)	17
SIGNIFICANT (SIGNIFIKAN)	35
MODERATE (SEDERHANA)	8
LOW (RENDAH)	3
JUMLAH KESELURUHAN	63

Setiap 63 risiko tersebut ditangani dengan penyelesaian untuk risiko rasuah iaitu mengukuhkan kawalan sedia ada melalui penambahbaikan ke atas pemantauan, sistem, polisi dan proses, melaksanakan kawalan baru dan memperkenalkan kaedah baru untuk mengesan salah laku rasuah yang boleh menyebabkan risiko tertentu atau melalui gabungan pilihan di atas dengan mengambil kira kos, kelebihan dan keberkesanan rawatan yang dipilih.

3.1 PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), "rasuah" ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- i. Meminta atau menerima rasuah;
- ii. Menawar atau memberi suapan;
- iii. Mengemukakan tuntutan palsu; dan
- iv. Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam.

3.1.1 PUNCA-PUNCA RASUAH

Antara faktor asas berlakunya rasuah ialah lemah kawalan dalaman diri (integriti) iaitu sifat tamak seseorang individu dan juga kerana wujudnya peluang untuk melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Punca wujudnya peluang untuk berlakunya rasuah adalah kerana kelemahan kawalan dalaman organisasi, kelemahan kepimpinan dan penyeliaan, amalan tradisi sesebuah organisasi dan ketidakpatuhan kepada peraturan.

Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga boleh menjadi punca berlakunya rasuah. Antaranya ialah:

- i. Faktor ekonomi;
- ii. Faktor sosial dan budaya;
- iii. Faktor politik; dan
- iv. Faktor pendidikan.

Kelemahan kawalan dalaman organisasi menimbulkan kesan yang tidak baik kepada organisasi seperti:

- i. Rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan;
- ii. Pembaziran pengguna masa;
- iii. Peningkatan aduan awam;
- iv. Kelewatan menyiapkan tugas;
- v. Pembaziran sumber kewangan;
- vi. Kurang kualiti dan produktiviti; dan
- vii. Menjejaskan imej jabatan.

3.1.2 ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH


Jadual Parameter Impak Risiko

Faktor	Consequences				
	Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
Pengukuran Impak					
Imej/reputasi	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita	Menyokong, impak rendah, berita profil rendah	Menyokong, mengaib pada orang ramai, berita profil sederhana	Menyokong, mengaib pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaib pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
Aduan awam	< 5 per bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	21-50 per bulan	>50 per bulan
Perundangan/ Pematuhan	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyisatan besar
Akibat risiko/ Usaha pengurusan	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang memerlukan usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang memerlukan usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/ kejatuhan (<i>collapse</i>)

Jadual Parameter Kebarangkalian

Penerangan	Penerangan Kebarangkalian Risiko
<i>Almost certain</i>	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Likely</i>	Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku di atas di antara 50% dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Moderate</i>	Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Unlikely</i>	Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5% dan 24% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Rare</i>	Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang

3.1.3 TERMA RUJUKAN



3.2 PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

3.2.1 BIDANG KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN KEPADA 3 TERMA RUJUKAN

TERMA RUJUKAN	BIDANG KEUTAMAAN
2	SISTEM & PROSEDUR KERJA
3	NILAI-NILAI MURNI & KOD ETIKA
5	KAWALAN DALAMAN

3.2.2 BIDANG KEUTAMAAN 1: SISTEM & PROSEDUR KERJA

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : MENAMBAH BAIK SISTEM & PROSEDUR KERJA			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Membangun dan mengemaskini Prosedur dan Carta alir kerja mengikut keperluan dan aktiviti yang terkini.	Semua Bahagian & Bahagian Pengurusan Kualiti	Setiap tahun (2021 – 2023)
2.	Mewujudkan sistem <i>check & balance</i> dan <i>due diligence</i> bagi setiap proses kerja.	Semua Bahagian & Bahagian Teknologi Maklumat	Setiap tahun (2021 – 2023)
3.	Penambahakan sistem bayaran e-payment dalam website NIOSH.	Bahagian Kewangan dan Perolehan & Bahagian Teknologi Maklumat	Jan – Jun 2021
4.	Menyediakan kriteria pelantikan dan Garis Panduan/ Prosedur Panel Perubatan.	Bahagian Sumber Manusia	Jan – Jun 2021

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 : MENINGKATKAN TAHAP KERAHSIAAN MAKLUMAT			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Mewujudkan elemen berkaitan Pengelasan (contoh Sulit, Rahsia Besar, Rahsia, Biasa) dan Pengendalian Maklumat dalam Dasar Keselamatan ICT.	Bahagian Teknologi Maklumat	Jan – Jun 2021
2.	Mewujudkan dokumen berperingkat dan menghadkan rantaian dan maklumat.	Bahagian Sumber Manusia & Bahagian Pengurusan Kualiti	Jan – Disember 2021

3.2.3 BIDANG KEUTAMAAN 2: NILAI-NILAI MURNI & KOD ETIKA

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 : MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS DAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Taklimat dan Program Kesedaran Integriti.	Unit Integriti dan Governans	Setiap tahun (2021 – 2023)
2.	Pembudayaan nilai-nilai murni.	Unit Integriti dan Governans	Setiap tahun (2021 – 2023)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2 : MENINGKATKAN PELAPORAN ADUAN TATATERTIB			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Membangunkan saluran aduan berkaitan kecuaiian/ kelalaian kakitangan.	Bahagian Sumber Manusia (HRD)	Jan - Jun 2021

3.2.4 BIDANG KEUTAMAAN 3: KAWALAN DALAMAN

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 : MENAMBAH BAIK KECEKAPAN PEROLEHAN PEMBEKALAN			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Mewujudkan jawatankuasa semakan spesifikasi.	Bahagian Teknologi Maklumat & Bahagian Kewangan dan Perolehan	Setiap Tahun (2021 – 2023)
2.	Mengadakan tugas penggiliran dengan pegawai yang setara (Mengelakkan wujudnya <i>one-man show</i>) . Four eyes principle – wujudkan checks and balances.	Bahagian Teknologi Maklumat	Setiap Tahun (2021 – 2023)
3.	Memberi kuasa (Authority) kepada kustodian (bahagian terlibat) untuk menilai kemajuan kerja oleh pembekal.	Bahagian Teknologi Maklumat	Setiap Tahun (2021 – 2023)
4.	Melantik kontraktor yang sesuai dan berwibawa.	Bahagian Kewangan dan Perolehan	Setiap Tahun (2021 – 2023)

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2 : MENAMBAH BAIK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Menetapkan tugas, fungsi dan skop bahagian/penjawatan.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
2.	Menyemak skim perkhidmatan dan imbuhan penjawatan yang besesuaian dengan keperluan.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
3.	Melantik pegawai yang bersesuaian dengan kelulusan.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
4.	Membuat Semakan Tangga Gaji.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
5.	Melihat semula pembahagian tugas kakitangan untuk memantau proses kerja (separation of power).	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
6.	Mengeluarkan arahan kepada Penyelia Atasan untuk memantau kakitangan seliaanya.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
7.	Mengeluarkan arahan dalaman berkaitan pusingan kerja setiap 3 tahun.	Bahagian Sumber Manusia	Setiap Tahun (2021 – 2023)
8.	Mengambil tindakan tegas kepada penyelia yang gagal menyelia atau kakitangan yang tidak patuhi peraturan dan polisi NIOSH.	Bahagian Sumber Manusia	Berdasarkan kes (2021 – 2023)

OBJEKTIF STRATEGIK 3.3 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN			
BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Membangunkan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah.	Bahagian Pengurusan Kualiti & Unit Integriti dan Governans	Jan – Disember 2021
2.	Mewujudkan senarai semak rekod dan dokumen projek.	Bahagian Pembangunan Projek & Bahagian Pengurusan Kualiti	Jan – Jun 2021
3.	Melaksanakan Audit Pembekal.	Bahagian Kewangan dan Perolehan	Setiap Tahun (2021 – 2023)
4.	Membangunkan borang akujanji kepada kakitangan untuk tidak mempunyai sebarang Conflict of interest (COI).	Bahagian Sumber Manusia & Bahagian Pengurusan Kualiti	Jan – Jun 2021

BAB 4

TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH

4.0 TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH

4.1 MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama diantara pihak Pengurusan, warga Jabatan dan Stakeholder untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Suatu Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah NIOSH telah ditubuhkan berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti, dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Pengurusan Tertinggi NIOSH hendaklah memastikan kebolehlaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH diperkukuhkan dengan tindakan berikut:

- i. Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian Pelan Antirasuah NIOSH.
- ii. Memastikan setiap pelan tindakan dilaksana mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- iii. Membentangkan Laporan Pencapaian Pelan Antirasuah NIOSH dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) NIOSH.

4.2 PENYEDIAAN LAPORAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH NIOSH

Jawatankuasa ABMS menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH kepada pengurusan tertinggi tiga (3) kali setahun dengan mengambil tindakan berikut:

- i. Menyediakan carta perbatuan setiap inisiatif dan dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan.
- ii. Mengemaskini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan di peringkat Jabatan dan Bahagian.

Pembentangan Laporan Pencapaian Pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH seperti berikut :

- i. Laporan ringkas diselaraskan di peringkat pelaksana setiap kali mesyuarat bahagian mengikut bidang keutamaan dengan dipengerusikan oleh Pengurus Bahagian/ Pengurus Pejabat Wilayah.
- ii. Membentangkan laporan pencapaian dalam mesyuarat JAR tiga (3) kali setahun seterusnya dibawa ke peringkat mesyuarat JAR KSM.

4.3 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

PENYELARASAN	
PEMANTAUAN	PENILAIAN
<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan objektif program. Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif. Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran. Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap). Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh (agensi peneraju) berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti. Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

4.4 MEKANISME PENILAIAN

MEKANISME PELAKSANAAN		
PEMANTAUAN		PENILAIAN
Unit Integriti dan Governans sebagai wakil	Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit, Integriti dan Governans.	<ul style="list-style-type: none"> Membentangkan pencapaian dan pelaporan Pelan Antirasuah NIOSH.
Unit Integriti dan Governans sebagai Urus Setia	Jawatankuasa Lembaga Audit, Integriti dan Governans (JKAIG) dipengerusikan oleh Pengerusi JKAIG.	<ul style="list-style-type: none"> Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Antirasuah NIOSH sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Mengenalpasti penyelesaian terbaik. Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan Institut.
Penyelaras Pelan Antirasuah NIOSH Jabatan/ Bahagian/ Unit Integriti dan Governans sebagai wakil	Mesyuarat Pengurusan peringkat Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan inisiatif-inisiatif dalam Pelan Antirasuah NIOSH dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan. Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah NIOSH secara suku tahun kepada Unit Integriti dan Governans.

4.5 MEKANISME PEMANTAUAN

MEKANISME PEMANTAUAN	
PEMANTAUAN OLEH PENERAJU/ PELAKSANA INISIATIF	<ul style="list-style-type: none">Membuat perbandingan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
	<ul style="list-style-type: none">Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Pengurusan, Jabatan, Bahagian atau Unit.
	<ul style="list-style-type: none">Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti dan Governans pada setiap suku tahun.

4.6 MEKANISME PENYELARASAN

MEKANISME PENYELARASAN	
Jawatankuasa Lembaga Audit, Integriti dan Governans	<ul style="list-style-type: none">Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk Pelan Antirasuah NIOSH.
Urus Setia Unit Integriti dan Governans	<ul style="list-style-type: none">Melaporkan status pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi NIOSH melalui Mesyuarat Pengurusan.
Jabatan/ Bahagian/ Unit	<ul style="list-style-type: none">Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti dan Governans.

4.7 PENILAIAN

Inisiatif Pelan Antirasuah NIOSH dinilai sekali pada hujung tahun. Namun demikian, ia tertakluk kepada keupayaan Jabatan/ Bahagian melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan kepada perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR). Menerusi laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan masalah dan halangan yang perlu diatasi untuk tujuan penilaian semula dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa ABMS.

Penilaian keseluruhan pencapaian inisiatif perlu mengambil kira matlamat berikut:

- i. Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah dalam kalangan warga NIOSH dengan menyediakan alternatif.
 - Laporan statistik salah laku kakitangan dipantau dan dilaporkan dalam mesyuarat pemantauan; dan
 - Senarai alternatif yang telah dilaksanakan meliputi semua bidang.

- ii. Meningkatkan keyakinan dan kesedaran awam berhubung penyampaian perkhidmatan NIOSH demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.
 - Pelaporan statistik naziran dalaman/ dari luar pada semua bidang keutamaan.
- iii. Menyediakan hala tuju dan bimbingan kepada warga NIOSH supaya mereka dapat mewujudkan suasana kerja yang mementingkan semangat berpasukan, harmoni, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.
 - Pelaporan statistik berdasarkan dapatan daripada soal kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan NIOSH sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH 2021-2023.

4.8 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH NIOSH

Prinsip pengurusan antirasuah NIOSH adalah dasar yang menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH. NIOSH telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut :

4.8.1 KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan Tertinggi NIOSH bertanggungjawab bagi memastikan:

- a. mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi.
- b. mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- c. Menguruskan risiko rasuah NIOSH secara berkesan.

4.8.2 PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah NIOSH. Oleh itu, NIOSH akan :

- a. melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.
- b. memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman mahupun luaran.

4.8.3 PELAKSANAAN INISIATIF

NIOSH akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur.

4.8.4 PEMANTAUAN & PENILAIAN SECARA SISTEMATIK

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan :

- a. mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi.
- b. penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program.
- c. mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul.

4.9 SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN PELAN ANTIRASUAH

Penilaian pelaksanaan bagi setiap inisiatif Pelan Antirasuah NIOSH akan dinilai setiap hujung tahun sekali. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan inisiatif tersebut di mana perkembangannya akan dilaporkan seperti yang telah diperjelaskan, pelaksana boleh mengutarakan sebarang permasalahan, kekangan mahupun penambahbaikan untuk diangkat bagi tujuan penilaian semula semasa pelaporan JAR NIOSH yang dijalankan setiap 3 kali setahun setelah ianya dipersetujui diperingkat Jawatankuasa ABMS.

- i. Pelan tindakan yang dirangka hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh supaya berjaya menangani masalah rasuah. Impak pelaksanaan Pelan Antirasuah NIOSH dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan.
- ii. Tindakan pembaharuan Pelan Antirasuah NIOSH perlu dilaksanakan pada akhir tahun ke-4 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.
- iii. Setiap visi dan misi Pelan Antirasuah NIOSH perlu berkesinambungan pada tahun-tahun berikutnya.

BAB 5

PENUTUP

5.0 KESIMPULAN

Pelan Antirasuah NIOSH adalah merupakan dokumen dasar antirasuah yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat. Ia merupakan komitmen oleh NIOSH dalam memerangi rasuah. Adalah diharapkan inisiatif – inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan dengan komited bagi mencapai visi 'Ke Arah NIOSH Bebas Rasuah'.

Kerajaan dalam usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus negara ini. Bagi memperlihatkan komitmen NIOSH dalam menyokong usaha kerajaan ini, NIOSH telah membangunkan Pelan Antirasuah NIOSH bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu 2021 sehingga 2023. Pelan ini telah menggariskan **25 inisiatif** yang akan dilaksanakan oleh NIOSH sebagai mekanisme pengurusan pemantapan integriti dan antirasuah. Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif Pelan Antirasuah NIOSH dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

Pelan Antirasuah NIOSH ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah di NIOSH.

-tamat-

PENGHARGAAN

Tuan Haji Ayop Salleh
Pengarah Eksekutif

Mejar Haji Hanif Maidin
Setiausaha Eksekutif

Encik Khairunnizam Mustapa
Pengurus Besar Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan

Encik Saupi Nazri Mamat
Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah

Puan Noorliza Idawati Mat Nayan
Pengurus Kanan Jabatan Perkhidmatan Korporat dan Sokongan

Encik Shahir Addenan
Pengurus Bahagian Pengurusan Kualiti

Puan Nor Fazidah Abu Naim
Ketua Unit Integriti dan Governans

Encik Wan Muhammad Syahrilfahmi Wan Zulkifli
Eksekutif Unit Integriti dan Governans

Dato' P.Ganason a/I S.Periathamby
Timbalan Persuruhjaya & Mantan Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Azizie Hamid
Pengurus Bahagian Latihan NIOSH Certification Sdn. Bhd.
CeIO (6-1681/2020)

Tim Pengurusan NIOSH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

APRESIASI

PESERTA BENGKEL CRM

Ahmad Aizuddin Ahmad Ridzwan
Rosila Nodin
Nurulain @ Hairul Azam Makhzan
Muhammad Syaidan Abdullah
Siti Hajar Mohd Yusof
Mohd. Nurhazwan Rostam
Najhan Salwana Sanusi
Marina Haji Buyong
Hamizan Abdul Hamid
Muhammad Faiz Fathan Ab. Yazi
Azrina Mohd Yusof
Azizul Khaidir Juaher
Muhammad Ifwat Ahmad
Mohamad Syaifullah Jamaludin
Siti Almaheran Atan
Siti Saydatul Ema Painan
Nor Jahra Mansor
Nor Fazidah Abu Naim
Rohaila Mohamed Rosly
Mohd Zaffri Mohd Yusuf
Roslina Md Husin
Halimatulsaadiah Baharudin
Nor Azlina Abdul Karim
Mohamad Al Sidek Teramuji
Ahmad Syauqi Hamdan
Nuur Madzidah Zakaria
Nurul Afifah Amir
Mohamad Akram Mohtar
Wan Muhammad Syahrilfahmi Wan Zulkifli
Mohamed Asyraff Mohd Yusri
Salwati Abd Rahman
Siti Norshuhada Abdul Aziz
Muazan Mohamad
Noor Faizilah Mohamad Salleh

AHLI JAWATANKUASA ABMS NIOSH

Shahir Addenan
Nor Fazidah Abu Naim
Salwati Abd Rahman
Mohd. Nurhazwan Rostam
Azizul Khaidir Juaher
Ahmad Syauqi Hamdan
Rohaila Mohamed Rosly
Muhammad Syaidan Abdullah
Siti Norshuhada Abdul Aziz
Azrina Mohd Yusof
Hamizan Abdul Hamid

Mohamad Syaifullah Jamaludin
Siti Almaheran Atan
Muazan Mohamad
Roslina Md Husin
Noor Faizilah Mohamad Salleh
Wan Muhammad Syahrilfahmi Wan Zulkifli
Mohamed Asyraff Mohd Yusri

Terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberikan input sepanjang penyediaan pelan ini. Pengurusan NIOSH percaya pelan ini akan memberi manfaat kepada semua terutamanya warga NIOSH.

AUTOGRAF